

**CABARAN-CABARAN KEMAJUAN KERJAYA WANITA MENURUT  
PERSEPSI PELAJAR SARJANA PENDIDIKAN TEKNIK DAN  
VOKASIONAL DI KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

**SYAFIZWAN NIZAM BIN MOHD FAROQUE**

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC, 2003

*Khas buat ibu tersayang (Kamariah Haji Kadir)*

*serta keluarga yang dikasih.....*



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SEKALUNG PENGHARGAAN



*Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.*

Assalamualaikum w.b.t

Terlebih dahulu saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat **Haji** juga selawat dan salam ke atas junjungan saya **Ar-Rasul S.A.W** kerana atas limpah kurniaaNya dan rahmatNya dapat juga saya menyiapkan Laporan Projek Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional.

Di sini saya dengan berbesar hati ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada sesiapa jua yang terlibat dalam membantu saya menyediakan laporan ini khususnya kepada Penyelia saya, **Tuan Haji Abdul Talib Bin Bon** yang banyak memberikan pandangan dan tunjuk ajar semasa menjalankan Projek Sarjana ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada Penyelaras Projek Sarjana PTV, **Dr. Wan Mohd Rashid B. Wan Ahmad**, Panel Penilai Viva, **Prof. Madya Ir. Mohd Zainal** dan **Tuan Haji Sapon Ibrahim** serta lain-lain pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak.

Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada keluarga saya kerana banyak memberikan bantuan, sokongan dan galakan yang tak pernah putus. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan, Saudara Hussein, Dhasedyl dan lain-lain yang senantiasa berada di samping saya untuk memberikan semangat dan ilham untuk melaksanakan projek ini sebaik mungkin. Jasa anda semua tak akan dilupakan.

## ABSTRAK

Wanita telah memainkan peranan yang amat penting dalam membangunkan ekonomi negara khasnya dalam bidang pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang dianggap oleh pelajar wanita sebagai cabaran yang akan mempengaruhi kemajuan kerjaya mereka kelak. Data dalam kajian ini diperolehi melalui soal selidik yang telah diedarkan kepada 60 orang pelajar wanita kursus Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Data yang diperolehi diproses dengan menggunakan ujian statistik dengan perisian *Special Packages for the Social Sciences* (SPSS) versi 10.0. Analisis statistik diskriptif (kekerapan, peratusan dan min) dilakukan untuk menganalisis tahap persepsi responden terhadap faktor-faktor cabaran yang akan mempengaruhi kemajuan kerjaya mereka. Hasil kajian menunjukkan responden yang terlibat dalam kajian ini menganggap faktor tahap akademik merupakan cabaran utama yang mempengaruhi kemajuan kerjaya wanita. Di samping itu mereka juga bersetuju bahawa cabaran-cabaran lain iaitu faktor peluang latihan dan pihak pengurusan merupakan cabaran yang tidak begitu ketara dalam mempengaruhi kemajuan kerjaya mereka. Walau bagaimanapun, faktor hidup berkeluarga tidak dianggap sebagai cabaran yang boleh mempengaruhi kemajuan kerjaya mereka.

## ABSTRACT

Women had played an important role in developing the economy of our country especially in education sector. The purpose of this study is to identify the factors that are expected by the female students to be the challenges in determining their career development. Data in this study were collected using questionnaires that have been distributed to 60 female students in Master of Technical and Vocational Education course at Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). The data were then analyzed using statistical method by the Special Packages for the Social Sciences (SPSS) version 10.0 software. Descriptive statistics (frequency, percentage and mean) has been calculated to determine respondent's perception level regarding the factors that will affect their career development. Findings of this study shows that the respondents perceive the academic level factor will be the main challenge in determining thier career development. Meanwhile, respondents also agreed that training opportunities and organization management factor are the minor challenges in determining their career development. However, family life factor was not perceived as a challenge that will determine their career development.

## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	<b>JUDUL TESIS</b>	i
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	2
1.3	Penyataan Masalah	8
1.4	Persoalan Kajian	8
1.5	Objektif Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Skop Kajian	10
1.8	Definisi Istilah	10

1.8.1	Cabaran	11
1.8.2	Kerjaya	11
1.8.3	Perguruan	12
1.8.4	Wanita	12
1.8.5	Pendidikan Teknik dan Vokasional	13
<b>BAB II SOROTAN PENULISAN</b>		<b>15</b>
2.1	Pengenalan	15
2.1.1	Makna Kerjaya	17
2.1.2	Wanita dan Kerjaya	18
2.1.3	Kemajuan Kerjaya	22
2.1.4	Peluang Kenaikan Pangkat	23
2.2	Pelan Tindakan Pembangunan Wanita	23
2.2.1	Dasar Wanita Negara	24
2.2.1.1	Pendidikan dan Latihan	26
2.2.1.2	Pekerjaan	26
2.3	Pendidikan di Malaysia	27
2.3.1	Profesjon Perguruan dan Pensyarah	28
2.3.2	Peranan Guru	29
2.3.3	Ciri Guru Cemerlang	32
2.3.4	Peranan Pensyarah dalam Pengajaran	32
2.3.5	Perancangan Pengajaran	35
2.3.6	Pelaksanaan Pengajaran	37
2.3.7	Penilaian Pengajaran	40
2.3.8	Hubungan Interpersonal	41
2.4	Cabaran Keluarga	42
2.5	Cabaran Peluang Latihan	46
2.6	Cabaran Tahap Akademik	46
2.7	Cabaran Pihak Pengurusan	47
2.8	Rumusan	51

<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>53</b>
3.1	Pengenalan	53
3.2	Rekabentuk Kajian	53
3.3	Responden, Sumber Data dan Kaedah Pemilihan Sampel	54
3.3.1	Responden dan Sumber Data	54
3.2.2	Kaedah Pemilihan Sampel	55
3.4	Tempat Kajian	55
3.5	Kerangka Operasi	56
3.6	Instrumen Kajian	57
3.7	Kajian Rintis	58
3.8	Kebolehpercayaan Soalan Soal Selidik	58
3.9	Analisis Data	59
3.9.1	Bahagian A	60
3.9.2	Bahagian B	60
3.10	Andaian Kajian	61
3.11	Batasan Kajian	62
<b>BAB IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>63</b>
4.1	Pengenalan	63
4.2	Ciri Latar Belakang Responden	64
4.2.1	Umur dan Status Perkahwinan	64
4.2.2	Bangsa	65
4.2.3	Semester Pengajian	66
4.3	Cabarans Hidup Berkeluarga Terhadap Kemajuan Kerjaya Wanita	66
4.3.1	Peranan	67
4.3.2	Peluang	67
4.3.3	Keperluan	68

4.3.4	Pembelaan	68
4.3.5	Perjuangan	68
4.3.6	Kesimpulan Cabaran Hidup Berkeluarga	69
4.4	Cabaran Peluang Latihan Terhadap Kemajuan Kerjaya Wanita	70
4.4.1	Peluang	70
4.4.2	Keperluan	70
4.4.3	Penghargaan	71
4.4.4	Kepentingan	71
4.4.5	Keberkesanan	71
4.4.6	Kesimpulan Cabaran Peluang Latihan	72
4.5	Cabaran Tahap Akademik Terhadap Kemajuan Kerjaya Wanita	73
4.5.1	Peluang	73
4.5.2	Keperluan	73
4.5.3	Pengiktirafan	74
4.5.4	Kualiti Kerja	74
4.5.5	Kepentingan	74
4.5.6	Kesimpulan Cabaran Tahap Akademik	75
4.6	Cabaran Pihak Pengurusan Terhadap Kemajuan Kerjaya Wanita	76
4.6.1	Diskriminasi	77
4.6.2	Senioriti	77
4.6.3	Bimbingan	78
4.6.4	Perjuangan	78
4.6.5	Pembelaan	78
4.6.6	Kesimpulan Cabaran Pihak Pengurusan	79

<b>BAB V</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>80</b>
--------------	--------------------------------	-----------

5.1	Pengenalan	80
5.2	Kesimpulan	81
5.3	Rumusan	84
5.4	Cadangan	85

<b>RUJUKAN</b>	<b>90</b>
----------------	-----------

**LAMPIRAN**

Lampiran A-C	98-108
--------------	--------



### **SENARAI JADUAL**

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Pensyarah politeknik mengikut jantina dan bidang pengkhususan	4
1.2	Bilangan pensyarah di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) Malaysia, (1999-2001)	4
1.3	Bilangan kakitangan akademik di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) Malaysia, (1999-2001)	5
3.1	Nilai ketekalan alat kajian bagi kajian rintis	59
3.2	Tafsiran julat nilai min	61
4.1	Bilangan responden mengikut umur dan status perkahwinan	64
4.2	Bilangan responden mengikut bangsa	65
4.3	Analisis min bagi Item-item cabaran hidup bekeluarga	67
4.4	Analisis min bagi item-item cabaran peluang latihan	70
4.5	Analisis min bagi item-item cabaran tahap akademik	73
4.6	Analisis min bagi item-item cabaran pihak pengurusan	77

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
3.1	Kerangka operasi	56
4.1	Responden mengikut jantina dan umur	65
4.2	Responden mengikut bangsa	66
4.3	Item-item cabaran hidup berkeluarga	69
4.4	Item-item cabaran peluang latihan	72
4.5	Item-item cabaran tahap akademik	76
4.6	Item-item cabaran pihak pengurusan	79



PTIA UTM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI SINGKATAN**

DWN	- Dasar Wanita Negara
FPN	- Falsafah Pendidikan Negara
IPTA	- Institusi Pengajian Tinggi Awam
KUiTTHO	- Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
MPPM	- Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka
MPSI	- Maktab Perguruan Sultan Idris
PhD	- Ijazah Doktor Falsafah
PTV	- Pendidikan Teknik dan Vokasional
RMKe-7, RMKe-8	- Rancangan Malaysia Ketujuh, Kelapan
SPSS	- <i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
UNDP	- <i>United Nations Development Programme</i>
UPSI	- Universiti Pendidikan Sultan Idris

**SENARAI LAMPIRAN**

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang soal selidik	98
B	Ujian kebolehpercayaan soal selidik	105
C	Analisis <i>descriptive statistics</i>	107



## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Kaum wanita merupakan sebahagian daripada sumber penting yang boleh digemblengkan bagi mencapai agenda pembangunan negara. Sumbangan wanita dalam pembangunan negara adalah satu kenyataan yang tidak dapat dinafikan lagi. Wanita telah dianggap sebagai sebahagian daripada komponen besar di dalam pembangunan dan pertumbuhan sosio ekonomi di seluruh dunia (Sha'ban, 1997).

Peranan wanita hari ini dapat dilihat dalam pelbagai bentuk dan rupa, malah ramai wanita kini memainkan beberapa peranan yang serentak seolah-olah dengan begitu mudah sekali, sebagai pekerja dan sebagai ibu, sebagai pengurus rumah tangga, dan sekaligus sebagai penyumbang kepada masyarakat. Dalam pelbagai peranan ini, jasa dan sumbangan wanita amatlah besar, terlalu besar untuk dihitung satu demi satu. Malahan kaum lelaki juga sedar dan mengiktiraf jasa mereka.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-7), melalui usaha kerajaan yang berterusan dalam menyediakan persekitaran yang sesuai untuk pembangunan, wanita terus melibatkan diri dan menyumbang ke arah pembangunan sosial dan ekonomi negara. Manakala dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) pula, usaha akan terus diambil untuk meningkatkan peranan, kedudukan dan taraf wanita bagi memastikan penyertaan mereka sebagai rakan kongsi bersama dalam pembangunan negara. Justeru itu, wanita akan disediakan dengan kemahiran dan

pengetahuan untuk menghadap cabaran globalisasi dan memenuhi keperluan ekonomi berdasarkan pengetahuan.

Dewasa ini, ketika dunia sedang menuju ke satu era yang baru, kaum wanita masih menghadapi cabaran. Pada hakikatnya kaum wanita yang mampu pada masa silam ataupun moden tidak pernah berperanan sebagai pembina masyarakat atau dijadikan atas sistem-sistem masyarakat. Mereka selalu berada dipinggir masyarakat sahaja. Wa'au dalam masyarakat negara-negara industri sekali pun keadaan ini memang lumrah.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Selepas berlakunya Revolusi Perusahaan di Barat, rumah tangga bukan lagi menjadi pusat yang penting bagi aktiviti pengeluaran dan wanita telah menjadi sebahagian besar dari kuasa buruh yang diperlukan dalam bidang pekerjaan. Peluang-peluang pendidikan yang terbuka luas untuk wanita juga telah mendorong golongan wanita yang tamat sekolah dan universiti untuk mencari pekerjaan yang sesuai, setimpal dengan kelulusan dan pengalaman mereka. Implikasi yang dapat dilihat ialah ramai wanita masa kini telah menjawat pelbagai jawatan penting dan pekerjaan profesional. Di samping itu mereka masih memegang pelbagai peranan dalam rumah tangga iaitu sebagai seorang isteri dan ibu.

Mengikut *Human Development Report* tahun 1999 yang disediakan oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau *United Nations Development Programme* (UNDP), Malaysia merupakan negara Islam yang termaju dari segi penyertaan wanita dalam tenaga kerja negara. Dalam bidang profesional dan pekerja teknikal umpamanya, golongan wanita mengisi 43 peratus jawatan daripada jumlah keseluruhan. Bilangan ini lebih tinggi daripada negara-negara seperti Indonesia, Turki dan juga Mesir.

Kemajuan wanita dalam penyertaan tenaga kerja negara boleh juga dilihat dari segi perkembangan dalam kategori pekerjaan tertentu. Sebagai contoh, pada

tahun 1970, 5.3 peratus daripada jumlah wanita dalam tenaga kerja negara terdiri dari kategori pekerjaan profesional dan teknikal. Pada tahun 1997, peratusan ini telahpun meningkat ke 13.3 peratus. Dalam kategori perkhidmatan pula, statistik yang sama menunjukkan peningkatan dari 8.4 peratus ke 16 peratus. Di samping itu pada tahun 1970, 66.8 peratus daripada jumlah wanita dalam tenaga kerja negara terlibat dalam kerja-kerja pertanian. Dalam tahun 1997, peratusan ini menurun kepada 14.2 peratus.

Semenjak mencapai kemerdekaan hampir 46 tahun yang lalu, Malaysia telah berkembang dengan pesatnya dari segi ekonomi, sosial, kebudayaan dan pendidikan. Sistem pendidikan di Malaysia juga telah berubah dan terpaksa menerima cabaran disebabkan oleh perubahan itu. Begitu juga dengan profesi perguruan di Malaysia yang telah mengalami perkembangan yang begitu menggalakkan sejak beberapa tahun yang lalu.

Perkembangan dalam bidang pendidikan telah memberikan banyak peluang pekerjaan yang kepada rakyat khususnya dalam profesi perguruan termasuklah sebagai pensyarah di institusi pengajian tinggi atau politeknik. Peluang yang terbuka luas ini telah mendorong ramai wanita untuk menceburi profesi pensyarah dalam institusi-institusi pendidikan di Malaysia. Jadual 1.1 menunjukkan angka pensyarah lelaki dan wanita dalam pelbagai bidang pengkhususan di politeknik-politeknik seluruh Malaysia. Gabungan pensyarah wanita lepasan universiti dan kolej menghasilkan satu angka yang agak besar jumlahnya. Walaupun statistik ini menunjukkan terdapatnya jurang yang besar di antara jumlah pensyarah wanita dan lelaki, namun angka ini telah mengalami pertambahan yang memberangsangkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Bilangan pensyarah wanita di institusi-institusi pengajian tinggi juga telah mengalami peningkatan yang positif sejak beberapa tahun yang lalu. Pada tahun 1999 pensyarah wanita mewakili 46.8 peratus daripada jumlah pensyarah di institusi pendidikan tinggi awam. Peratusan ini telah meningkat kepada 48.3 peratus pada tahun 2000 dan terus meningkat kepada 48.6 peratus pada tahun 2001.

**Jadual 1.1 : Pensyarah politeknik mengikut jantina dan bidang pengkhususan**

Bidang Pengkhususan	Lepasan Universiti		Lepasan Kolej		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	
Kejuruteraan Awam	111	42	101	34	288
Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	94	58	98	23	273
Kejuruteraan Mekanikal	127	14	132	5	278
Perdagangan	108	25	16	3	152
Teknologi Makanan	11	5	3	3	22
<b>Jumlah</b>	<b>451</b>	<b>144</b>	<b>350</b>	<b>68</b>	<b>1013</b>

(Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993)

**Jadual 1.2 : Bilangan pensyarah di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) Malaysia, (1999-2001)**

	1999	2000	2001
<b>Bilangan Pensyarah</b>			
Lelaki	4,243	4,857	5,005
Perempuan	3,732	4,542	4,739
Jumlah	7,975	9,399	9,744
% Perempuan (daripada jumlah)	46.8	48.3	48.6

(Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002)

Berdasarkan kepada Jadual 1.2, boleh dikatakan hampir separuh daripada jumlah pensyarah di institusi pendidikan tinggi adalah terdiri daripada wanita. Keadaan ini merupakan satu perkembangan yang sangat positif terhadap pembangunan negara. Ini menunjukkan bahawa golongan wanita terus memperoleh

kemahiran untuk merebut jawatan-jawatan di sektor-sektor pendidikan yang lebih moden. Walaubagaimanapun terdapat cabaran yang dirasai menggagalkan usaha seseorang pensyarah wanita bagi membina kerjayanya. Perkara ini dapat dilihat dengan mengambil kira peratusan wanita yang memegang jawatan yang tinggi dalam sektor pendidikan khususnya bagi profesion perguruan dan pensyarah.

Melalui enrolmen di institusi pendidikan kerajaan dan bantuan kerajaan mengikut peringkat pendidikan 1998 – 2001, yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, peratusan wanita yang memegang jawatan sebagai Profesor atau Profesor Madya masih lagi rendah berbanding lelaki.

**Jadual 1.3 : Bilangan kakitangan akademik di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) Malaysia, (1999-2001)**

	1999		2000		2001	
	Prof.	Prof. Madya	Prof.	Prof. Madya	Prof.	Prof. Madya
Lelaki	539	1,433	580	1,549	636	1,806
Perempuan	109	518	119	569	156	791
<b>Jumlah</b>	<b>648</b>	<b>1,951</b>	<b>699</b>	<b>2,118</b>	<b>792</b>	<b>2,597</b>
% Perempuan (drp. jumlah)	16.8	26.6	17.0	26.9	19.7	30.5

(Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002)

Realitinya penglibatan wanita dalam bidang pendidikan masih menghadapi banyak cabaran dan rintangan. Cabaran dan rintangan wujud dalam pelbagai bentuk, antaranya ialah tanggapan sosial yang meragui kebolehan dan kemampuan wanita untuk memikul tanggungjawab yang berat dan mencabar sebagai pensyarah yang memerlukan pengetahuan, kemahiran dan komitmen yang tinggi serta mempunyai peranan yang besar dalam mendidik dan melatih generasi baru yang bakal menerajui negara pada masa hadapan.

Terdapat beberapa keadaan yang berkemungkinan menjadi cabaran kepada kemajuan kerjaya mereka yang dilihat dari sudut keluarga dan anak, peluang latihan, pencapaian akademik dan pihak pengurusan. Cabaran yang dinyatakan ini telah

disokong oleh Nieva dan Gutek (1981), yang mengatakan bahawa cabaran keluarga, pencapaian akademik, anak-anak, mobiliti kerja serta pengalaman kerja yang lepas turut mempengaruhi kemajuan kerjaya wanita.

Terdapat juga sebahagian wanita yang telah berhenti bekerja setelah mereka berkahwin dan mendapat anak yang pertama, malahan tidak kurang pula bilangan wanita yang masih terus bekerja. Namun kesannya mereka sering menghadapi pelbagai masalah dan cabaran berhubung dengan penggabungan berbagai peranan sebagai seorang isteri, ibu dan pekerja (Mazidah, 1980). Pekerjaan telah mengubah kehidupan wanita menjadi lebih berdikari dari segi ekonomi, mempunyai gaji sendiri dan kurang bergantung kepada suami mereka tetapi struktur formal yang didapati di tempat kerja telah banyak mengongkong wanita bekerja. Wanita yang bekerja terpaksa mematuhi beberapa peraturan seperti masa bekerja yang ditetapkan, tidak boleh membawa anak sesuka hati ketika berada di tempat kerja, dan mereka terikat dan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak majikannya (Strange, 1981).

Seterusnya apa yang diketahui bahawa selain daripada peraturan formal dan tidak formal yang dikenakan di tempat kerja, dari kalangan wanita pada hari ini telah menghadapi masalah dari segi penjagaan anak-anak, kebanyakan wanita yang bekerja telah tinggal di bandar-bandar yang jauh dari kaum keluarga. Jikalau dahulu wanita yang bekerja boleh mengharapkan pertolongan daripada saudara mara untuk menjaga anak-anak dan mengendalikan urusan rumah tangga mereka, tetapi perubahan telah berlaku di mana wanita yang bekerja dan tinggal di bandar menghadapi masalah (Strange, 1981).

Selain itu kurangnya kesedaran bahawa wujud perbezaan di antara lelaki dan wanita dari segi keperluan dan peranan yang dimainkan, dan tanggapan bahawa program pembangunan mempunyai impak yang sama terhadap lelaki dan wanita. Pada hakikatnya impak pembangunan kepada lelaki dan wanita adalah berbeza. Natijahnya terdapat program-program pembangunan yang kurang membawa kesejahteraan kepada wanita dan ada pula yang memberi kesan yang negatif terhadap wanita. Keadaan ini seringkali dianggap sebagai '*unintended consequences*' yang tidak dapat dielakkan. Sebenarnya kesan negatif dapat dikurangkan sekiranya proses

perancangan telah mengambilkira isu-isu yang berkaitan dengan wanita di peringkat awal perancangan. Dengan ini, matlamat program pembangunan yang bertujuan untuk membawa kesejahteraan kepada semua pihak akan dapat dicapai dan tidak ada pihak yang kerugian atau menjadi mangsa.

Suasana kerja yang tidak peka kepada keperluan wanita sehingga wanita tidak dapat terus kekal dalam pekerjaan dan menggunakan kepakaran serta kemahiran yang mereka miliki untuk membantu memusatkan lagi pembangunan negara. Terdapat juga beberapa perundungan, peraturan serta dasar-dasar yang seolah-olah menyulitkan wanita dan memberi kesan yang kurang adil terhadap wanita. Selain itu kurangnya perkongsian tanggungjawab kekeluargaan di kalangan pasangan dwikerja yang menghadkan penglibatan wanita dalam kerjaya secara berterusan.

Terdapat pandangan bahawa wanita hanya layak menjalankan tugas di rumah dan sifat semulajadi wanita seperti penyayang dan pelindung dikatakan hanya sesuai untuk membangunkan keluarga sahaja. Pandangan begini mengakibatkan wujudnya suatu struktur sosial yang mendiskriminasi secara tidak langsung pekerja wanita dari segi pekerjaan dan seterusnya menghalang mobiliti kerjaya wanita. Secara ideal, pekerja wanita dan lelaki seharusnya diberikan tanggungjawab yang sama dalam pekerjaan mereka, supaya mereka dapat bersaing dan mempertingkatkan mutu kerja di dalam sesebuah organisasi dan seterusnya akan wujud peluang kenaikan pangkat, kenaikan gaji dan peluang pekerjaan yang lebih mencabar.

Fogarty, *et.al* (1971), dalam kajian mereka turut menyokong bahawa keluarga memainkan peranan dan kesan yang amat penting dalam menentukan cita-cita seseorang individu terutama wanita dalam pekerjaan. Oleh sebab itu satu penelitian perlu dibuat mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pensyarah wanita mengenai isu kemajuan kerja mereka dalam sesebuah institusi pendidikan.

### 1.3 Penyataan Masalah

Daripada penelitian dan pengamatan penyelidik terdapat cabaran-cabaran yang dihadapi oleh wanita yang bekerja khususnya dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional. Di sini pengkaji ingin mengkaji cabaran-cabaran yang dianggap mempengaruhi kemajuan kerjaya mereka berdasarkan persektif bakal pensyarah wanita yang sedang mengikuti pengajian di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Pernyataan masalah ialah: Apakah cabaran-cabaran yang dianggap akan mempengaruhi kemajuan kerjaya pensyarah wanita dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional? Kajian ini cuba mengkaji jawapan terhadap persoalan di atas.

#### 1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah, penyelidik memfokuskan kepada empat persoalan kajian iaitu:

- i. Adakah faktor keluarga dianggap sebagai cabaran kemajuan kerjaya bagi pensyarah wanita?
- ii. Adakah faktor peluang latihan dianggap sebagai cabaran kemajuan kerjaya bagi pensyarah wanita?
- iii. Adakah faktor pencapaian akademik dianggap sebagai cabaran kemajuan kerjaya bagi pensyarah wanita?
- iv. Adakah faktor pihak pengurusan dianggap sebagai cabaran kemajuan kerjaya bagi pensyarah wanita?

#### 1.5 Objektif Kajian

Objektif-objektif bagi kajian ialah:

- i. Untuk mengetahui sejauh mana faktor hidup berkeluarga mempengaruhi kemajuan kerjaya wanita menurut persepsi pelajar Sarjana PTV, KUiTTHO.
- ii. Untuk mengetahui sejauh mana faktor peluang latihan mempengaruhi kemajuan kerjaya wanita menurut persepsi pelajar Sarjana PTV, KUiTTHO.
- iii. Untuk mengetahui sejauh mana faktor tahap akademik mempengaruhi kemajuan kerjaya wanita menurut persepsi pelajar Sarjana PTV, KUiTTHO.
- iv. Untuk mengetahui sejauh mana faktor pihak pengurusan mempengaruhi kemajuan kerjaya wanita menurut persepsi pelajar Sarjana PTV, KUiTTHO.

#### 1.6 Kepentingan Kajian

Penyelidik ingin memberikan idea yang lebih terperinci kepada pihak-pihak yang berkenaan mengenai faktor yang dianggap oleh pensyarah wanita sebagai cabaran kemajuan kerjaya mereka pada masa hadapan. Ini termasuklah Unit Kaunseling dan Kerjaya serta Jabatan Pembangunan Pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi supaya dapat mengambil langkah-langkah yang sewajarnya kepada pelajar seperti program-program pembangunan, ceramah dan sebagainya.

Penyelidik juga melakukan kajian ini kerana dengan adanya penentuan faktor manakah yang memberi pengaruh kuat akan mendapat perhatian khusus daripada elemen faktor-faktor tersebut. Dengan demikian, dapatlah para pelajar wanita ini

menilai sejauh manakah elemen-elemen tersebut akan lebih memberikan cabaran kepada kerjaya mereka dalam profesi perguruan.

### 1.7 Skop Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan untuk melihat apakah persepsi pelajar wanita terhadap cabaran-cabaran kemajuan kerjaya mereka sebagai pensyarah dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional pada masa hadapan. Institusi pendidikan yang akan dijadikan sebagai kawasan kajian ini adalah Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor. Seramai 60 responden yang terdiri daripada pelajar wanita akan disoal selidik tentang cabaran-cabaran yang mempengaruhi kemajuan kerjaya mereka. Mereka akan dipilih secara rawak dan dirujuk di Sekolah Pengajian Siswazah KUiTTHO.

Penyelidik menjalankan kajian terhadap populasi pelajar wanita sahaja kerana mereka ini mempunyai pengalaman terhadap keempat-empat faktor yang dinyatakan yang mana ianya boleh membantu penyelidik untuk mencapai objektif kajian.

### 1.8 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah dalam kajian yang boleh menjelaskan atau menerangkan maksud tertentu dan hanya benar dalam skop kajian ini sahaja. Oleh itu ia perlu didefinisikan dengan teliti. Istilah-istilah yang digunakan ini diterangkan secara terperinci dalam sub-judul di bawah.

**RUJUKAN**

- Aga, S. (1984). "Women and Empowerment Strategies Increasing Autonomy." Washington: Hemisphere Publishing Corporation.
- Ahmad Sarji Abdul Hamid (1993). "Penerapan Nilai dan Budaya Kerja Cemerlang dalam Pentadbiran Awam Malaysia." Kuala Lumpur: INTAN.
- Ainon Muhammad (1985). "Modenisasi dan Implikasinya terhadap Peranan Serta Fungsi Kaum Wanita." Dewan Masyarakat, Mac: 6-8.
- Aminah Ahmad (1995). "Role Conflict and Coping Behaviour of Married Working Women." Pertanika: *Journal of Social Science and Humanities*. 3. 97-104.
- Analoui, F. (1994). "Training and Development." The Role of the Trainers. Management Development.13 (9): 61.
- Asiah Abu Samah (1978). "Industrial Development in Malaysia." Kuala Lumpur: Federal Industrial Development Authority [FIDA], Persatuan Sejarah Malaysia, h. 109.
- Beauvoir, S.D. (1979). "The Second Sex." New York: Random House.
- Betz, N.E. and Fitzgerald, L.F. (1987). "The Career Psychology of Women." Orlando F.L: Academic Press. 67-80.
- Becker, G.S. (1993). "Human Capital." University of Chicago Press.

- Becker, G.S. (1997). "Human Capital." University of Chicago Press.
- Bilodeau, H. (1969). "Principles of Skill Acquisition." New York: Academic Press.
- Bimbaum, M.R. (1971). "Gender Differences in Work Values: Perpetuating the Myths." *Work and Occupations*. 22, no.2 (May): 215-229.
- Bolin, F.S. (1995). "Teaching as a Craft." dlm. Ornstein, A.C. (Ed.) "Theory into Practice." US: Allyn & Bacon.
- Bord, C. (1959). "Readings on the Psychology of Women." New York: Harper and Row Publishers.
- Cain, G. (1966). "Married Women in The Labor Force." Chicago, USA: University of Chicago. 56-89.
- Chi-Ching, Y. (1992). "Perceptions of External Barriers and the Career Success of Female Managers in Singapore." *The Journal of Social Psychology*. 135. 661-674.
- Cecilia Ng, Choong Sim (1987). "Women's Work in Asia." Serdang: Women's Studies Unit UPM and Malaysia Social Science Association. 23-34.
- Clark, D.C. and Cutler, B.R. (1990). "Teaching: An Introduction." Florida: Harcourt Brace Jovanovich.
- Cohn, M.M., Kotthamp, R.B. and Provenza, E.F. (1987). "To Be a Teacher: Cases, Concepts, Observation Guides." New York: Random House Inc.
- Collins, S.R., Wing, C.W. and Teichert, M.P. (1991). "Teaching, Learners and Technology: A Planning Guide." US: Apple Computer Inc.
- Cooper, J.R. and Robertson, B. (1921). "Gender Issues in Organizations." London: Routledge.

- Cox, T.H., Harquail, C.V. (1991). "Career Paths and Career Success in The Early Stage Of Male And Female MBAs." *Journal of Vocational Behaviour*. 39. 54-75.
- Crossman, M. (1964). "Human Motivation." California: Brooks Cole Co.
- Duff, T. (1988). "The Preparation and Development of Teacher Trainers." dlm. Duff, T. (Ed.) "Explorations in Teacher Training: Problems and Issues." England: Routledge & Kegan Paul.
- Dunlop, D.R. (1981). "Promoting Gender Equality in Remote Communities of South America." Lima: Goods Ltd.
- Ee Ah Meng, (1990), "Journal Pendidikan." Edisi Kedua: Pendidikan di Malaysia Untuk Guru Pelatih.
- Encle, S., Mackenzie, N. and Tebbutt, M. (1974). "Women and Society: An Australian Study." London, England: University of California Press Ltd. 56-77.
- Epstein, C.F. (1973). "Woman's Place: Option and Limits in Professional Careers." London, England: Unjversity of California Press Ltd. 56-77.
- Felmlee, D.H. (1984). "The Dynamics of Women's Job Mobility." *Work and Occupations*. 3. 259-281.
- Field, B. (1994). "Toward Understanding the Life Experience of Practicing: An Overview." London: Falmer Press.
- Fogarty, M., Allen, A.J. and Walters, P. (1971). "Women in Top Jobs." George Allen & UN Win Ltd. 56-102.
- Forgionne, M. and Peeters, P. (1982). "Women and Empowerment Strategies for Increasing Autonomy." Washington: Hemisphere Publishing Corporation.

Gutek, B., and Nieva, L. (Eds.) (1981). "Women's Career Development" Newbury Park, C.A: Sage. 77-80.

Hoffman, L.W. and Nye, F.L. (Eds.) (1975). "Working Mothers." San Francisco: Jossey Bass Publisher. 89-96.

Hooper, S. and Rieber, L.P. (1995). "Teaching with Technology." dlm. Ornstein, A.C. (Ed.) "Theory into Practice." US: Allyn & Bacon.

Hughes, L.W. (1994). "The Principal as Leader." New York: MacMillar College Publishing Company.

Jones, D.S. (1993). "Survey Research Methods." New York: Holt Dinehat and Winston.

Julia Evetts (1996). "Gender and Career in Science and Engineering." United Kingdom: Taylor Ltd. UK.

Johnsrud, L.K. and Heck, R.H. (1994). "Administrative Promotion Within a University." *Journal of Higher Education*. 65. 23-43.

Kamus Dewan (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1990). "Senarai Tugas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Di Institut/Maktab Perguruan Malaysia." Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1995). "Panduan Praktikum II Kursus Penguruan Asas Lima Semester Institut/Maktab Perguruan Malaysia." Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1997). "Pelaksanaan Latihan Guru Bestari." Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru.

- Kerckhoff, S. (1990). "Working Environment." New York: Gateway.
- Kevr, R. (1982). "Psychomotor Learning." Ottawa: Saunders College Publishing.
- Khadijah Muhamed (1969). "Wanita Melayu dan Pekerjaan." Universiti Malaya: Tesis M. A.
- Khadijah Muhamed (1980). "Wanita dan Kerjaya." Dewan Masyarakat. Ogos, 8-10.
- Kiecie, R. V & Morgan, D.N (1981). "Determining Sample Size For Research Educational And Psychological Measurement." New York: Mc. Graw. Hill.
- Koenigsberg, J., Garet, M.S. and Risenbaum, J.E. (1994). "The Effect of Family on the Job-Exits of Young Adults." *Work And Occupation*. 21. 33-63. Sage Publications Lac.
- Manjulika, K., Ashok, K. and Rajindar, K. (1998). "Women in Management Review." 13. 1-10.
- Mardeson, L. (1978). "Women and Work." Continuities of the Past and Present. Kertas Kerja, Second Brenuial Conference of the Asian Study Association of Australia.
- Martin, D.R. (1981). "Profesional Women. In Kourany, J.A., Streda, J.D. and Tong, R. (eds) *Feminist Philosophies*. New Jersey: Prentice Hall.
- Martin, L.R. and Morgan, S. (1995). "Middle Manager in Banking." *Quarterly Journal of Business and Economics*. 34. 55-68.
- Mazida Zakaria (1980). "Sikap dan Nilai Masyarakat Mengenai Pergerakan Wanita." Dewan Masyarakat. Ogos: 15-17.
- Mohamad Haji Ikhsan (1994). "Dilema Wanita Bekerja." Dewan Masyarakat. September: 32-33.

Mohd Majid Konting (1990). "Kaedah Penyelidikan dan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Mohd. Najib Ghafar (1998). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Noor Jais (1996). "Pekerja Wanita Melayu dan Peranan di Sektor Korporat: Satu Analisis Konflik Peranan." Universiti Putra Malaysia: Tesis M. Sc.

More, S.G. (1978). "Working Mothers and Their Children, Young Children." New York: Penguin Books. 231-240.

Mottaz, C. (1986). "Negotiating Professionalism: The Gendered Social Capital of Flexible Time." *Work and Occupations* 16, no.1 (February): 22-47.

Nolan, F.L. (1963). "Rural Employment and Husbands and Wife." dlm. Nye, F.I and Hoffman, L.W. (Eds) "The Employed Mother in America." 241-250.

Ornstein, A.C. (1995). "Beyond Effective Teaching." dlm. Ornstein, A.C. (Ed.) "Theory into Practice." US: Allyn & Bacon.

Perlmutter, M. and Hall, E. (1989). "Adult Development and Aging." 2<sup>nd</sup> ed. Chichester: Wiley.

Peters, R.S. (1977). "Education and Education of Teachers." London: Rouledge & Kegan Paul.

Powell, K.S. (1963). "Family Variables." dlm. Nye, F.I. and Hoffman, L.W. (Eds.) "The Employed Mother in America."

Ragins, B.R. (1989). "Barriers to Mentoring: The Female Manager's Dilemma." *Human Relations*. 42. 1-22.

- Ragins, B.R. and Sudrstrom, E. (1989). "Gender and Power in Organizations." *Psychological Bulletin*. **105**. 51-88.
- Rahmah Ismail dan Zaini Mahbar (1996). "Wanita dan Pekerjaan." Bangi: Penerbit UKM.
- Rossner, R. (1988). "Selecting Teacher Educators." dlm. Duff, T. (Ed.) "Explorations in Teacher Training: Problems and Issues." England: Longman Group U.K.
- Safiah Nik (1981). "Wanita Malaysia." Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu Raya.
- Sewell, R.A. et. al. (1980). "Race and Sex Differences in Career Dynamics." *American Sociological Review*, **45**. 583-609.
- Sha'ban Muftah Ismail (1997). "Women in Economic Growth and Development in Malaysia." Petaling Jaya: IBS Buku.
- Shaw, R. (1995). "Teacher Training in Secondary Schools." 2<sup>nd</sup> ed. London: Kogan Page.
- Slocum, W.L. (1966). "Occupation Career: A Sociological Perspective." Chicago: Aldine. 90-97.
- Strange, H. (1981). "Rural Malay Women in Tradition and Transition." New York: Praeger.
- Stroh, L.K., Brett, J.M. and Reilly, A.H. (1992). "All The Right Stuff." *Journal of Applied Psychology*. **77**. 251-260.
- Super, D.E. and Hall, D.T. (1978). "Career Development: Exploration and Planning." *Annual Review of Psychology*. **29**. 257-293.
- Sweet, J. (1973). "Women in the Labour Force." New York: The Seminar Press.

- Tharenou, P. (1997). "Managing Career Advancement." *International Review of Industrial and Organization Psychology*. John Wiley and Son Ltd.
- Tuckman, B.W. (1995). "The Competent Teacher." dlm. Ornstein, A.C. (Ed.) "Theory into Practice." US: Allyn & Bacon.
- Tuckman, E.R. (1998). "Survey Research Methods." Belmond, C.A: Wodsworth.
- Tyre, D.M. Haer, H. and Burn, K.T. (1994). "The Management of Student Teachers' Learning: A Guide for Professional Tutors in Secondary Schools." London: Kogan Page.
- Wan Ab. Kadir Wan Dolllah (1996). "Universiti Perguruan: Antara Kenyataan dan Harapan." Dewan Masyarakat, (Mac 1996).
- Wan Azmi Ramli (1998). "Latihan Profesional: Pendekatan kepada Teori-Strategi Amali dalam Latihan Profesional." Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1993). "Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian." Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Wazir-Jahen Karim (1989). "The Status of Malay Women in Malaysia: From Culture to Islam and Industrialization." Penang: Universiti Sains Malaysia.
- Weller, R.H. (1968). "The Employment of Wires Rote Incompatibility and Fertility." *Milbank Memorial Fund Quarterly*. 46, pt. 1.
- Wright, J.D. (1987). "Are Working Women Really More Satisfied." *Journal of Marriage and the Family*. 40, 2, May.